

26/02/1997

Syarikat perisian beri komitmen kepada MSC

Khairul Anuar Samad

PERTEMUAN tiga kali Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Oracle Corp. (Oracle), Larry Ellison, dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuktikan kesungguhan Oracle dalam menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pengarah Urusan Oracle Systems Malaysia, Khatijah Shah, berkata MSC penting untuk Oracle memandangkan syarikat sudah membabitkan diri dalam projek mega itu sejak awal lagi.

Katanya, pertemuan Ellison dan Dr Mahathir itu sudah tentu menggambarkan komitmen Oracle terhadap MSC yang mana syarikat turut sama terbabit dalam perbincangan dengan pihak berkenaan.

"Tumpuan Oracle dalam pembincangan dengan pihak MSC membabitkan dua fakta utama iaitu pembangunan tujuh aplikasi utamanya selain pembabitan pelaburan untuk projek itu," katanya kepada media di Petaling Jaya, minggu lalu.

Beliau berkata demikian di majlis perjanjian persefahaman antara Oracle Malaysia dan Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor (SHRD), menjadikan SHRD sebagai Pusat Pendidikan Bertauliah Oracle pertama di Lembah Klang.

Khatijah, berkata Oracle sentiasa menyokong pembangunan MSC dan berusaha untuk menyediakan kemudahan pelaburan yang bersesuaian bagi memanfaatkan kedua-dua pihak.

"Syarikat kini sedang membuat persediaan untuk terbabit sama dalam MSC dengan melakukan beberapa pelaburan bagi menjayakannya," katanya.

Selain Microsoft, pembabitan Oracle, syarikat kedua perisian kedua terbesar dunia dan pembekal utama perisian pengurusan maklumat dalam MSC memberi jaminan kukuh dalam menjayakan projek itu.

(END)